

01/05/1997

Kenduri Puisi jadi medan pameran bakat

Jamudin Idris

ACARA Kenduri Puisi yang diadakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 1997 malam Ahad lalu, menjadi medan pihak tertentu mempamerkan kehebatan mereka selain berpuisi dan promosi.

Kehadiran pasukan bomba dan Kumpulan Silat Cekak Ustaz Hanafi jelas menunjukkan kemahiran mereka dalam bidang masing-masing selain berpuisi, manakala Koprataa bijak berpromosi untuk kasetnya.

Acara pembacaan puisi perseorangan dimeriahkan oleh Sasterawan Negara Datuk A Samad Said dengan Tikaman dalam Seloka dan Memanggil Tun Teja, Marzuki Ali dengan sajak panjangnya Berdiri Melihat Angkasa Debu Kuala Lumpur yang Parah, Ahmad Razali Yusof dengan Mencari Isteri, Borhan Mohd Zain dengan Perjuangan yang Belum Selesai - Dr Mahathir, manakala Ijala MM dari Jabatan Penjara dengan Wajah Kota Kuala Lumpur.

Kumpulan AG membuat kejutan dengan sebuah puisi panjang yang baik bertajuk Hello Kuala Lumpur. Puisi itu dendangan Ismail Shuib, Raja Maizatul Azaria dan A Ghani Abdullah sendiri.

Seperti yang dikatakan oleh juru acara majlis, Prof Madya Rahman Shaari, acara kenduri tentunya untuk orang ramai dan kerana itu pembabitannya disertai banyak pelbagai pihak penghuni kota Kuala Lumpur.

Kakitangan Bomba bukan saja membuktikan bijak bergurindam, tetapi menunjukkan kehebatan dalam drama berpuisi apabila mempamerkan kerja menyelamatkan dan membantu mangsa kebakaran.

Kumpulan Tentera pula membaca puisi panjang, sementara Silat Cekak Hanafi yang sebelum ini pernah muncul pada malam Puisi Pendekar sempena sambutan tahun baru yang lalu, mempamerkan kehebatan seni silat Melayu dan menyampaikan sajak bertajuk Panji Seorang Pahlawan dan Pedang Ladin.

Julfekar Ahmad Shah menyumbangkan dua lagu puisi termasuk sebuah daripada album terbarunya dan sebuah lagi bertajuk Nyanyian Siang dan Malam.

Koprataa yang menolak untuk hadir di Kenyir, Terengganu kerana terikat dengan majlis anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, membolot acara malam itu dengan dendangan lima lagu.

Mereka menyampaikan lagu puisi antaranya Aduh Sedapnya Kecewa ini, Oasis dan Wajah Kota Kuala Lumpur.

Kenduri Puisi tahun ini menjadi kerana ia diadakan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi jika diadakan di tempat awal Dataran Merdeka, tidak mustahil ia akan ditangguhkan untuk kali kedua.

(END)